



**KENYATAAN MEDIA
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
18 ZULHIJAH 1439H / 28 SEPTEMBER 2018**

**IMIGRESEN TEGAS DAN TANPA KOMPROMI TANGANI SINDIKET
PENYULUDUPAN ORANG**

Merujuk kepada laporan beberapa akhbar tempatan dan atas talian berkenaan sindiket yang melibatkan pegawai imigresen di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan penahanan enam pegawai imigresen oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada hari ini kerana disyaki terlibat di dalam aktiviti penyeludupan orang serta membenarkan orang yang telah disenarai hitam melepasi pemeriksaan Imigresen.

Penahanan ini adalah atas kerjasama antara Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan SPRM, termasuk dalam perkongsian maklumat risikan dan aduan untuk menangani isu-isu bolos serta penyeludupan orang di pintu masuk Negara.

Selain itu, Jabatan ini juga turut bekerjasama dan berkongsi maklumat dengan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan lain-lain agensi penguatkuasaan bagi menangani isu ini dengan tegas dan tanpa kompromi.

Sebagaimana ditegaskan berulang kali, JIM akan terus mengambil tindakan tegas dan tanpa berkompromi terhadap pegawai dan kakitangannya yang terbabit rasuah ataupun sebarang pelanggaran integriti.

Pihak jabatan tidak teragak-agak mengambil tindakan dalaman yang tegas termasuk buang kerja, digantung atau diturunkan pangkat terhadap mereka yang didapati bersalah terbabit dalam aktiviti jenayah rasuah dan salah laku.

JIM juga turut melakukan beberapa siri tangkapan terhadap pegawai-pegawai Imigresen dan sindiket yang terlibat di dalam jenayah ini di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Pindaan 2010).

Bagi membendung masalah ini, JIM sentiasa melakukan usaha menerapkan nilai-nilai integriti yang tinggi kepada pegawai dan kakitangan termasuk dari aspek pendidikan selain pencegahan dari segi sistem prosedur kerja dengan memperkembangkan ruang yang ada.

JIM serius dan komited dalam memastikan tahap integriti pegawai JIM sentiasa berada di tahap maksimum dengan menjalankan program-program pematuhan serta kesedaran memerangi salahguna kuasa serta menjalin kerjasama erat dengan agensi lain termasuk SPRM bagi memastikan matlamat ini dapat dicapai.

JIM juga serius mengambil tindakan terhadap sindiket pemerdagangan orang dan penyeludupan migran sebagaimana tindakan yang telah dan berterusan diambil dengan menangkap dan menghadapkan mereka di mahkamah.

#TAMAT#

**DATO' SERI HAJI MUSTAFAR BIN HAJI ALI
KETUA PENGARAH IMIGRESEN
MALAYSIA**